

## ASIMILASI BUDAYA ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN DENGAN MASYARAKAT MELAYU SETEMPAT

Shaqinur Ain Mohidin<sup>1</sup>, Mohamad Suhaizi Suhaimi<sup>2,\*</sup>

<sup>1</sup>Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh 84600 Muar, Malaysia

<sup>2</sup>Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh 84600 Muar, Malaysia

\*Corresponding Author: msuhaizi@iium.edu.my

Copyright©2022 by authors, all rights reserved. Authors agree that this article remains permanently open access under the terms of the Creative Commons Attribution License 4.0 International License

**Abstrak:** Arus modenisasi telah meluaskan budaya perkahwinan antara masyarakat Orang Asli suku Jakun dengan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu setempat serta menganalisis makna simbolik adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Kajian yang mempraktikkan kaedah kualitatif iaitu menjalankan temu bual bersama masyarakat Orang Asli suku Jakun serta masyarakat Melayu setempat. Hasil kajian mendapati bahawa asimilasi budaya adat perkahwinan suku Jakun dengan masyarakat Melayu merangkumi adat bertunang, majlis malam berinai, pakaian dan pelamin serta adat merisik. Makna simbolik adat perkahwinan yang dihiduraikan pula merangkumi acara pemberian pisau dan lembing, menyuap nasi kepal dan ayam goreng, menghisap rokok tembakau serta memakan biji pinang dan daun sirih yang dilambangkan sebagai kehidupan pasangan suami isteri dalam mengharungi pahit dan manis selepas mendirikan rumah tangga.

Kata Kunci: Asimilasi Budaya; Perkahwinan; Suku Jakun; Makna Simbolik

**Abstract:** The current of modernization has expanded the culture of marriage between the Orang Asli community of the Jakun tribe and the Malay community. Therefore, this study was conducted to identify the assimilation of marriage customs of the Orang Asli community of the Jakun tribe with the local Malay community as well as to analyze the symbolic meaning of marriage customs of the Orang Asli community of the Jakun tribe. A study that practices qualitative methods conducted interviews with the Orang Asli community of the Jakun tribe as well as the local Malay community. The results of the study found that the assimilation of the customary culture of marriage of the Jakun tribe with the Malay community includes the custom of betrothal, berinai night ceremony, dress and pelamin as well as merisik custom. The symbolic meaning of wedding customs that are described include giving knives and spears, feeding nasi kepal and fried chicken, smoking tobacco cigarettes and eating betel nuts and betel leaves which symbolize the life of a married couple in going through bitter and sweet after marriage.

Keywords: Cultural Assimilation; Marriage; Jakun tribe; Symbolic Meaning

Received: 15 May 2022; Revised: 30 May 2022; Accepted: 10 June 2022; Published: 30 June 2022

**Corresponding Author:** Mohamad Suhaizi Suhaimi, 2Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh 84600 Muar, Malaysia. Email: msuhaizi@iium.edu.my

## **PENGENALAN**

Sosiolinguistik ialah antara cabang ilmu disiplin yang utama dalam bahasa Melayu. Kata Sosiolinguistik dibina berdasarkan dua kata yang berbeza, iaitu singkatan daripada perkataan Sosiologi dan Linguistik. Sosiolinguistik dapat diringkaskan sebagai kajian yang meliputi bahasa dan masyarakat. Kajian Sosiolinguistik mengkaji elemen-elemen linguistik yang melibatkan aspek bahasa, struktur dan penggunaan [2]. Aspek-aspek ini melibatkan fungsi-fungsi sosial, kebudayaan dan penggunaannya dalam sesebuah masyarakat tertentu.

Sesebuah masyarakat biasanya dikenali melalui budaya yang diamalkan. Kebudayaan ialah budaya cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat yang mengandungi unsur-unsur ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang serta adat istiadat [4]. Selain itu, budaya dapat didefinisikan sebagai sebahagian daripada suatu masyarakat yang kewujudannya tidak dapat dipisahkan [1]. Budaya juga bersifat dinamik kerana sering berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Secara umumnya, budaya merupakan kebiasaan cara hidup manusia untuk memahami serta menyesuaikan diri dengan alam sekeliling sehingga melahirkan budaya berbeza mengikut kawasan tertentu. Justeru, budaya boleh didefinisikan sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan masyarakat tertentu merangkumi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.

Pengamalan adat dari zaman nenek moyang terdahulu tidak asing lagi dalam sesebuah masyarakat di Malaysia bahkan masih diamalkan sehingga ke hari ini. Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan sejak turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi [14]. Peraturan ini telah menjadi kebiasaan dan tabiat semula jadi manusia yang perlu diikuti dari generasi semasa ke semasa supaya tradisi sesuatu kaum dapat dikekalkan. Adat juga meliputi seluruh elemen kehidupan seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian. Justeru, upacara perkahwinan yang diamalkan oleh Orang Asli adalah berdasarkan warisan adat peraturan dari nenek moyang mereka dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat agar sentiasa terjaga [9]. Dalam kajian ini, pengkaji hanya meneliti adat perkahwinan dalam dua buah masyarakat yang berbeza, iaitu masyarakat Melayu dan masyarakat Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah komuniti minoriti yang kebanyakannya masih mempraktikkan cara hidup konservatif. Kewujudan identiti mereka adalah berlandaskan budaya yang

istimewa dan distingtif. Masyarakat ini wujud sebagai sebuah masyarakat yang taat terhadap tradisi dan nilai yang mereka terapkan sejak berabad lama dari era nenek moyang mereka. Komuniti Orang Asli di Malaysia lazimnya dibahagikan kepada tiga kumpulan besar, iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto [3]. Setiap daripada kelompok besar ini pula terbahagi kepada beberapa suku. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada suku etnik Orang Asli Melayu-Proto, iaitu suku kaum Jakun.

Suku kaum Jakun merupakan suku Orang Melayu Asli yang menetap di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia. Penduduk yang dikatakan berasal dari Selatan Cina, iaitu Yunan mula berhijrah ke Malaysia kira-kira 5000 tahun yang lalu. Pada masa itu, komuniti ini digelar sebagai 'Batang Air' kerana penempatannya yang berhampiran dengan anak-anak sungai [12]. Sama seperti masyarakat lain yang terdapat di Malaysia, kaum Orang Asli Jakun ini juga mengamalkan budaya sebagai perlambangan terhadap identiti dan jati diri masyarakat. Komuniti ini juga mempunyai budaya cara hidup, adat istiadat dan seumpamanya untuk membentuk sesebuah masyarakat yang hidup berpandukan peraturan, adat dan pantang larang. Namun demikian, penempatan masyarakat ini yang berada berdekatan dengan kaum majoriti seperti Melayu, Cina dan India memperlihatkan proses asimilasi telah banyak berlaku. Hal ini telah menyebabkan kaum minoriti ini semakin terdedah dengan dunia luar dan mula mengamalkan budaya masyarakat majoriti yang terdapat di Malaysia misalnya adat perkahwinan yang seakan-akan dengan budaya orang Melayu.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Arus pemodenan yang melanda negara Malaysia memperlihatkan masyarakat minoriti seperti Orang Asli telah mula menerima budaya masyarakat setempat. Misalnya, masyarakat ini menerima budaya Melayu dari segi perkahwinan, makanan tradisional, dan lain-lain lagi sehingga menunjukkan persamaan budaya di antara kedua-dua suku kaum tersebut. Justeru, makna simbolik di sebalik adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun turut dilihat tidak mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji lepas serta kajian berkaitan asimilasi budaya perkahwinan suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu turut masih kurang dijalankan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian [3] yang hanya mengkaji asimilasi budaya orang asli suku kaum Kuala serta kajian [10] yang hanya melihat aspek makna simbolik masyarakat Melayu Sarawak. Perkara sedemikian telah menyukarkan pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian yang berkaitan disebabkan

oleh kurangnya data kajian-kajian lepas.

Selain itu, pewarisan budaya dari satu generasi ke generasi yang lain adalah sangat penting bagi menjamin kelangsungan budaya pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana, budaya merupakan salah satu faktor yang membentuk masyarakat menjadi tenar dan dikenali seantero dunia. Kendatipun begitu, pengadaptasian budaya asing dalam sesebuah masyarakat telah menyebabkan faktor keaslian tradisi suku kaum Jakun tidak lagi diamalkan sepenuhnya. Misalnya melalui kajian [11] yang menyatakan bahawa budaya pengiring pengantin perempuan atau *bridesmaid* yang semakin menjadi trend bagi masyarakat Melayu masa kini adalah inspirasi daripada perkahwinan barat. Pengadaptasian budaya barat dalam perkahwinan generasi baharu kini menyebabkan kelunturan tradisi turun-temurun yang telah diamalkan sejak dari zaman nenek moyang bukan sahaja dalam kalangan masyarakat minoriti malah masyarakat majoriti di Malaysia, iaitu bangsa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk menerangkan secara terperinci tentang konsep, pemikiran dan pengalaman berkaitan budaya perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu di samping penerangan mengenai makna simbolik adat perkahwinan mereka. Pengkaji juga mengaplikasikan pendekatan etnografi yang merujuk kepada kajian lapangan berbentuk pemerhatian untuk mengkaji budaya, tingkah laku, corak interaksi sosial pemikiran dan cara hidup sesebuah masyarakat.

Selain itu, Kumpulan kaum yang dipilih oleh pengkaji ialah kaum Orang Asli Melayu-Proto, iaitu masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang menetap di selatan Semenanjung Malaysia. Pemilihan Kampung Sentosa, Lenga, Muar pula adalah berdasarkan kawasan tempat tinggal Orang Asli yang berdekatan dengan penempatan masyarakat Melayu di sekitarnya.

Kajian rintis dijalankan untuk mengesahkan tahap kebolehpercayaan soal selidik kajian yang akan dijalankan agar keputusan tinjauan adalah sah dan boleh dipercayai. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap dua responden yang merupakan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun, iaitu Siah berumur 52 tahun serta Majid bin Rawino berumur 54 tahun yang merupakan masyarakat Melayu sekitar. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan dengan menjalankan temu bual bersama responden terpilih bagi memperoleh data yang lengkap yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis

deskriptif.

## ASIMILASI BUDAYA ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN DENGAN MASYARAKAT MELAYU

Semasa proses pengumpulan data, pengkaji memperoleh maklumat daripada dua orang informan yang merupakan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dan masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang mempunyai unsur asimilasi dengan adat perkahwinan masyarakat Melayu. Informan-informan yang telah ditemu bual, iaitu Siah dilabelkan sebagai I1 (Informan 1), manakala Majid bin Rawino pula sebagai I2 (Informan 2).

### Adat Bertunang

Pertunangan merupakan satu perjanjian kepada pasangan untuk mendirikan rumah tangga melalui perantaraan yang kebiasaannya diadakan dalam sebuah majlis meminang [5]. Dalam kajian ini, I1 menjelaskan bahawa adat bertunang dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga sememangnya tidak mempunyai banyak perbezaan dengan orang Melayu. Hal ini demikian kerana masyarakat Orang Asli juga sudah mula mengikuti adat bertunang orang Melayu seperti pemberian barang hantaran semasa majlis pertunangan. Namun begitu, terdapat perbezaan dari segi bilangan hantaran yang diberikan daripada kedua-dua belah pihak sama ada lelaki mahupun perempuan.

Menurut I1, pihak lelaki akan memberikan bilangan hantaran yang lebih banyak daripada pihak perempuan. Berbeza pula dengan orang Melayu, I2 menjelaskan bahawa pihak perempuan akan menetapkan jenis hantaran yang perlu diberikan oleh rombongan lelaki sama ada hantaran serba berdiri atau serba satu. Lazimnya, pihak perempuan akan menyediakan bilangan hantaran yang lebih banyak daripada pihak lelaki. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapat asimilasi yang berlaku khususnya dalam pemberian barang hantaran antara kedua-dua kaum meskipun masih terdapat sedikit perbezaan dari segi bilangan barang hantaran yang diberikan.

### Malam Berinai Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun

Masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun juga melaksanakan majlis malam berinai seperti mana majlis malam berinai masyarakat Melayu.

Berdasarkan penjelasan daripada II, pengantin lelaki akan memakai baju kemeja manakala pengantin perempuan pula akan memakai blaus serta kain yang bersesuaian. Berbeza pula dengan tradisi terdahulu, pakaian yang digunakan oleh pengantin lelaki adalah hanya memakai kain pelekat tetapi tidak berbaju. Bagi

pakaian pengantin perempuan pula, mereka hanya memakai kain sarung sehingga ke paras dada atau berkemban. Rajah di bawah menggambarkan pakaian yang digunakan oleh pasangan pengantin semasa majlis malam berinai.



**Rajah 1:** Pakaian Pasangan Pengantin di Majlis Malam Berinai

Selain itu, pasangan pengantin juga memakai tanjak dan selempang yang diperbuat daripada pelepah kelapa. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1 di atas, tanjak dan selempang yang digunakan pula

adalah seakan-akan tanjak yang sering digunakan oleh orang Melayu manakala selempang pula seperti kain selendang.



**Rajah 2:** Inai Pengantin Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun

Di samping itu, Rajah 2 pula merupakan inai yang akan dipakaikan ke jari pasangan pengantin. Pemakaian inai bagi pengantin masyarakat Orang Asli juga adalah sama seperti masyarakat Melayu, iaitu

pemakaian inai pada semua jari tangan dan kaki bagi pengantin perempuan manakala bagi pengantin lelaki pula hanya tiga jari sahaja.





**Rajah 3:** Acara Pemakaian Inai kepada Pengantin Lelaki



**Rajah 4:** Acara Memakaikan Inai kepada Pengantin Perempuan

Rajah 3 dan Rajah 4 di atas menunjukkan acara majlis malam berinai daripada pasangan pengantin yang bernama Kamarul (21 tahun) dan Salina (22 tahun). Semasa majlis malam berinai, pasangan pengantin akan diarak ke arah pelamin yang telah dihias indah. Oleh itu, jelaslah bahawa majlis malam berinai masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun juga mempunyai unsur asimilasi dengan majlis yang diadakan oleh masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu kini mula mengadakan majlis malam berinai mengikut tema yang dikehendaki seperti tema *Bollywood*, *Arabian Night* dan lain-lain lagi.

#### **Pakaian dan Pelamin**

Pakaian pengantin serta pelamin juga merupakan salah satu perkara yang sangat dititikberatkan dalam perkahwinan. Setiap pasangan pengantin pasti ingin

menggayakan busana yang menarik di samping mempunyai pelamin yang istimewa semasa majlis perkahwinan diadakan. Budaya ini telah sekian lama wujud dalam masyarakat Melayu. Lazimnya, busana serta pelamin yang digayakan semasa majlis persandingan adalah bertujuan untuk memperkenalkan pengantin yang bergelar raja sehari kepada orang ramai. Sehubungan dengan itu, I2 menjelaskan bahawa pakaian bagi pengantin lelaki ialah baju Melayu manakala bagi pengantin perempuan pula ialah baju kurung. Pakaian pengantin tersebut biasanya menggunakan kain songket. Bagi pelamin pengantin pula, reka bentuk akan dipilih mengikut cita rasa pasangan pengantin mengikut tema yang mereka kehendaki.

Perkara ini telah menunjukkan terdapat unsur asimilasi budaya pakaian dan pelamin masyarakat Melayu dengan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Hal ini demikian kerana II

menerangkan bahawa pakaian serta pelamin yang digunakan semasa majlis perkahwinan adalah sama seperti masyarakat Melayu. Pengantin lelaki menggunakan baju Melayu manakala pengantin perempuan menggunakan baju kurung di samping menggunakan mak andam untuk menghias pengantin perempuan. Justifikasinya, busana serta pelamin pengantin masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun turut terasimilasi dengan masyarakat Melayu.

### Adat Merisik

Dalam masyarakat Melayu, adat merisik ini telah lama dipraktikkan walaupun pada masa ini sudah jarang dilakukan oleh pasangan pengantin. Secara ringkasnya, I2 menjelaskan bahawa adat merisik merupakan tinjauan yang dilakukan oleh keluarga pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan untuk memastikan bahawa bakal pengantin perempuan sudah mempunyai atau belum. Majlis merisik juga boleh dianggap sebagai majlis 'menempah menantu' kerana ikatan perjanjian akan termeterai jika kedua-dua belah pihak bersetuju untuk melangkah ke peringkat seterusnya, iaitu pertunangan. Selain itu, ketika adat merisik ini berlangsung, kedua-dua belah pihak keluarga juga perlulah membawa sedikit buah tangan sebagai tanda beramah mesra sesama keluarga.

Namun begitu, adat merisik masyarakat Melayu mempunyai sedikit perbezaan dengan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Menurut I1, masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun turut mengadakan adat merisik yang seakan-akan sama dengan masyarakat Melayu tetapi acara tersebut dijalankan setelah acara persandingan telah selesai. Berbeza daripada adat merisik masyarakat Melayu, acara seakan-akan adat merisik yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun adalah untuk memberikan barang, iaitu pisau dan lembing sebagai tanda ikatan

kedua-dua buah keluarga pengantin. Pemberian barang tersebut juga mempunyai makna simbolik yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, asimilasi dilihat terjadi kerana acara yang diadakan adalah hampir serupa dengan adat merisik tetapi mempunyai perbezaan dari segi waktu serta pemberian barang.

### MAKNA SIMBOLIK ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang selari dengan objektif kedua, iaitu menganalisis makna simbolik adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Pengkaji juga berpeluang untuk menyaksikan acara yang dilakukan semasa majlis perkahwinan Kamarul dan Salina di Kampung Bukit Panjang. Antara informan yang ditemu bual bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan makna simbolik adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun ialah Siah yang dilabelkan sebagai I1.

### Pemberian Pisau dan Lembing

Dalam adat merisik yang dijalankan selepas acara bersanding, pasangan pengantin akan melakukan satu upacara yang dinamakan sebagai pemberian pisau dan senjata berbentuk lembing kepada keluarga kedua-dua belah pihak pengantin. Hasil dapatan yang diperoleh daripada sesi temu bual bersama I1, pisau yang telah disediakan oleh pihak keluarga perempuan akan diberikan kepada pihak lelaki manakala lembing pula diberikan kepada keluarga pihak perempuan. Gambar Rajah 5 serta Rajah 6 menunjukkan gambar pisau dan lembing yang digunakan untuk melaksanakan adat tersebut.



Rajah 5: Pisau



**Rajah 6:** Lembing

Adat perkahwinan yang masih diamalkan sehingga kini oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun sudah pasti mempunyai falsafah yang tersendiri. Menurut I1, pemberian dua barangan ini merupakan simbolik kepada usaha kedua-dua belah pihak sama ada pengantin lelaki mahupun perempuan untuk menjaga amanah. Dalam erti kata lain, pemberian barangan tersebut adalah untuk melihat sejauh mana kebolehan pengantin untuk menggalas tanggungjawab yang berat setelah mendirikan rumah tangga. I1 turut menjelaskan bahawa bahan yang digunakan untuk menghasilkan pisau dan lembing, iaitu besi juga mempunyai makna simbolik. Bahan besi merupakan bahan yang sangat keras dan tahan lasak walaupun bahan tersebut mudah berkarat. Oleh hal yang demikian, pisau dan lembing yang diperbuat daripada bahan besi ditandakan sebagai kebahagiaan yang akan kekal lama oleh pasangan pengantin.

### **Upacara Pengantin Memakan Biji Pinang Berbalut**

#### **Daun Sirih**

Dalam majlis malam berinai, pasangan pengantin akan disajikan dengan biji pinang yang dibalutkan dengan daun sirih. Pinang merupakan sejenis tumbuhan palma yang dimakan dengan daun sirih. Daun sirih pula merupakan salah satu tanaman herba yang mempunyai banyak manfaat untuk kesihatan seperti dapat membunuh bakteria dan kulat [8].

Dalam kalangan masyarakat Melayu, daun sirih lebih banyak digunakan dalam urusan perkahwinan. Sebagai contohnya, sirih junjung akan dihias dengan cantik untuk dijadikan sebagai barang hantaran pengantin perempuan selain menjadi aksesori dan penyeri kepada pengantin perempuan ([www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)). Selain itu, sirih atau nama saintifiknya *Piper betle L.* mempunyai makna simbolik tersendiri yang ditandakan melalui cara pepohon sirih membiak, iaitu secara menjalar dan memanjat tanpa merosakkan tumbuhan perumah yang dilambangkan sebagai rendah diri dan tanda kehormatan [13].



**Rajah 7:** Biji Pinang Berbalut Daun Sirih

Sehubungan dengan itu, masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun juga mempunyai makna simbolik tersendiri berkaitan dengan aktiviti memakan biji pinang yang dibalut dengan daun sirih dalam majlis malam berinai. Menurut I1, biji pinang yang dibalut dengan daun sirih akan disediakan hanya untuk pasangan pengantin. Pasangan pengantin akan memakan biji pinang tersebut secara serentak. Gabungan rasa pahit daripada biji pinang dilambangkan sebagai kehidupan pasangan pengantin yang akan merasai pahit dan manis selepas mendirikan rumah tangga. Rajah 7 di atas menunjukkan gambar biji pinang yang dibalut dengan daun sirih untuk disajikan kepada pasangan pengantin.

### Upacara Menyuaip Nasi Kepal dan Ayam Goreng

Selepas melaksanakan acara memakan biji pinang yang dibalut dengan daun sirih, pasangan pengantin turut menjalankan aktiviti menyuaip nasi kepal bersama ayam goreng. I1 turut menjelaskan bahawa simbolik bagi acara tersebut adalah sinonim kepada acara memakan biji pinang. Gabungan rasa manis daripada ayam goreng yang turut disajikan bersama menjadi makna simbolik kepada pasangan pengantin yang akan melalui perkara suka dan duka dalam perkahwinan. Rajah 4.8 di bawah menunjukkan gambar nasi kepal dan ayam goreng yang disajikan dalam acara tersebut.



Rajah 8: Nasi Kepal dan Ayam Goreng

### Upacara Menghisap Rokok Tembakau

Upacara menghisap rokok tembakau juga merupakan salah satu upacara yang diadakan semasa majlis malam berinai dan mempunyai makna simbolik yang tersendiri. Tembakau merupakan tumbuhan herba semusim. Tumbuhan ini ditanam bagi mendapatkan daun yang berfungsi untuk dijadikan rokok dan cerut ([www.pnm.gov.my](http://www.pnm.gov.my)).

Dalam adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun, pasangan pengantin turut melaksanakan adat menghisap rokok tembakau. Pelaksanaan adat ini dijalankan adalah dengan cara pasangan pengantin perlu menghabiskan rokok tembakau yang dihisap. Menurut I1, aktiviti ini dilambangkan sebagai kesanggupan pasangan suami isteri untuk hidup bersama-sama sehingga ke akhir hayat.

### KESIMPULAN

Secara ringkasnya, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat asimilasi yang berlaku dalam adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu sekitar. Hal ini dapat dibuktikan melalui sesi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama dua orang informan yang merupakan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun serta masyarakat Melayu yang menetap di kampung sekitar. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat empat adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang mempunyai unsur asimilasi dengan masyarakat Melayu. Adat perkahwinan tersebut adalah terdiri daripada adat bertunang, malam berinai, pakaian pengantin dan pelamin serta adat merisik.

Selain itu, pengkaji turut memperoleh dapatan yang jelas berkaitan makna simbolik adat perkahwinan yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Dapatan yang diperoleh juga merupakan daripada penjelasan temu bual yang



dijalankan bersama informan yang merupakan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di samping pengkaji berpeluang untuk menyaksikan sendiri adat perkahwinan suku kaum Jakun. Pengkaji mendapati bahawa terdapat empat adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang mempunyai makna simbolik tersendiri. Antaranya ialah upacara pemberian pisau dan lembing, upacara memakan biji pinang yang dibalut dengan daun sirih, upacara menyuap nasi kepal bersama ayam goreng serta upacara menghisap rokok tembakau. Secara ringkasnya, keempat-empat upacara yang dilakukan ini mempunyai perkaitan dengan kehidupan pasangan pengantin selepas mendirikan rumah tangga untuk kekal hingga ke hujung nyawa.

## RUJUKAN

- [1] Dzakkiyah N., Incka A., Indah B., Fikri R., “Dampak Konsumerisme Budaya Korea (KPOP) di Kalangan Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Malang,” *Jurnal Penelitian Humaniora*, vol. 21(1), pp. 78-88, 2020. DOI: 10.23917/humaniora.v21i1.8085
- [2] Faridah N., *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*, edisi pertama, Sasbadi Sdn Bhd, 2013.
- [3] Fauziah A., Rosman M., Zahrul A., Lutfan J., Siti S., Shah R., Sharifah K., Akbal A., Khairul A., Fadillah I., “Menyelusuri Asimilasi Budaya Kaum Orang Asli Suku Kuala di Sungai Layau, Kota Tinggi,” *Human Sustainability Procedia*, 2018. URL: <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1221>
- [4] Ika S., Rohaidah K., “Penterjemahan Unsur Budaya dalam Bahasa Kiasan daripada Lagu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu” *Jurnal Kesidang*, vol. 3, pp. 1-8, 2018. URL: <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/303>
- [5] Kogila S., & Muammar G., “Adat Bertunang: Satu Kajian Perbandingan Antara Etnik Melayu dengan Etnik India,” *Jurnal Wacana Sarjana*, bil. 3(2), pp. 1-9, 2018. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/164>
- [6] “Sirih Junjung,” Perpustakaan Negara Malaysia, <https://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-sirihjung1.htm> (diakses pada Jun 9, 2022).
- [7] “Tembakau,” Perpustakaan Negara Malaysia, <https://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-tembakau.htm> (diakses pada Jun 9, 2022).
- [8] Meyta A., Dian P., Siti L., Dian F., Tri U., “Aktivitas Antibakteri *Hand Sanitizer* Berbahan Ekstrak Daun Sirih dan Ekstrak Jeruk Nipis,” *NECTAR: Jurnal Pendidikan Biologi*, bil. 2(1), pp. 16-23, 2021. DOI: <https://doi.org/10.31002/nectar.v2i1.1559>
- [9] Nur F. & Mohd S., “Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang,” *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, bil. 13(1), pp. 83-108, 2020. URL: <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/5545>
- [10] Sarra J., Mohamad M., “Simbol dan Pemaknaan Ritual Adat Tepung Tawar dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu Sarawak,” *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, vol. 8, pp. 22-37, 2020. DOI: <https://doi.org/10.51200/jkob.vi.2441>
- [11] Shaliza D., Fazlina M., Nurkhasilah I., Nur H., “Perkembangan Budaya Populer dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing dalam Perkahwinan Melayu,” *ICOMHAC2015 eproceedings*, 2015. URL: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35648/>
- [12] Siti Fatiemah S., Jama'yah Z., “Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun,” *International Journal of the Malay World and Civilisation*, vol. 1(1), pp. 83-88, (2013). URL: <http://www.ukm.my/iman/index.php/en/jurnal>
- [13] Wan F., “Nilai dan Simbolisme Sirih dalam Budaya serta Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu dan India”, *4th International Conference on Local Knowledge*, pp. 23-36, 2014. <http://eprints.usm.my/id/eprint/39397>
- [14] Zurina A., Muhammad A., “Pengkisaran Amalan Adat Perkahwinan Masyarakat Bugis di Johor: Kajian Kes di Kampung Permatang Duku, Pontian, Johor,” *Jurnal Melayu*, bil 18(2), pp. 268-280, 2019. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1223>